

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN**

**KAWASAN : KOTA BHARU**

**TARIKH : 4.4.2016 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : 340**

### **SOALAN**

**YB. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan dengan terperinci langkah yang perlu diambil Kerajaan bagi meratifikasi Trans Pacific Partnership Agreement (TPPA).**

### **JAWAPAN**

**Tuan Yang DiPertua,**

Sepertimana sedia maklum, Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) telah ditandatangani pada 4 Februari 2016 di Auckland, New Zealand. Walaupun Malaysia telah menandatangani TPPA, ianya masih belum berkuatkuasa. Negara TPP diberi tempoh 24 bulan untuk melengkapkan

proses dalaman, agar dapat meratifikasi TPPA. Sehubungan ini Malaysia sedang mengambil tindakan untuk meminda beberapa undang-undang dan peraturan tertentu sebelum Malaysia dapat meratifikasi TPPA.

2. Undang-undang yang berkaitan adalah dalam bidang perkastaman, buruh serta hak harta intelek. Adalah penting bagi Malaysia untuk memastikan undang-undang berkaitan adalah konsisten dengan komitmen Malaysia di bawah sebarang perjanjian antarabangsa termasuk TPPA. Pindaan undang-undang tersebut akan dibentang di Parlimen untuk kelulusan. Tempoh masa yang paling cepat di mana TPPA akan berkuat kuasa dijangka pada tahun 2018.
3. Bagi membolehkan TPPA untuk berkuatkuasa, mengikut peruntukan Artikel 30.5, TPPA akan berkuat kuasa berdasarkan situasi berikut:
  - i. Sekiranya syarat di atas tidak dicapai, 60 hari setelah semua negara TPP memaklumkan secara bertulis kepada pihak *depository* ataupun sekretariat di New Zealand bahawa mereka telah selesai proses ratifikasi; ataupun
  - ii. 60 hari setelah sekurang-kurangnya 6 negara TPP yang secara kumulatif terdiri dari 85% daripada jumlah KDNK daripada negara TPP asal telah memaklumkan secara bertulis kepada *depository* bahawa mereka telah selesainya proses ratifikasi.

4. Pasukan perunding akan terus mengadakan sesi penerangan kepada semua *stakeholder* mengenai isi kandungan serta faedah TPPA. Penerangan khusus akan diadakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bersama Jabatan Peguam Negara kepada semua pegawai di peringkat negeri mengenai peruntukan yang melibatkan Kerajaan negeri.

Tuan Yang DiPertua,

5. Memandangkan TPPA adalah satu perjanjian yang melibatkan 12 negara, maka terdapat kemungkinan akan berlaku kelewatan dalam proses ratifikasi. Namun, adalah penting bagi Malaysia untuk memastikan proses ratifikasi diselesaikan dalam tempoh 24 bulan, agar Malaysia dapat meraih faedah dari TPPA sebaik TPPA berkuatkuasa.